

# Penyusuan Bayi dalam Kalangan Wanita Berkerjaya: Satu Tinjauan

## Breastfeeding among Career Women: An Overview

Siti Nur Hidayah Mahdizam  
Vivien W.C. Yew

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Vivien W.C. Yew (email: [vivienyew@ukm.edu.my](mailto:vivienyew@ukm.edu.my))

### ABSTRAK

*Proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang penting ke atas status dan peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua proses itu, peluang-peluang pekerjaan yang baru telah memindahkan wanita dari ruang domestik kepada ruang awam, di mana mereka memegang berbagai profesi di dalam sektor-sektor industri, pentadbiran dan perniagaan. Apabila berkahwin, wanita dijangkakan dapat mengendalikan urusan rumah tangga dan menjaga anak. Wanita ini mendapati diri mereka terpaksa menggabungkan peranan tradisional mereka sebagai isteri dan ibu dengan peranan baru sebagai pekerja. Peranan di dalam bidang domestik dan awam ini lazimnya "demanding" dan memerlukan tenaga, masa dan perhatian. Wanita ini seterusnya mengalami konflik peranan memandangkan yang status dan peranan mereka di dalam ruang domestik dan awam ini dihalakan untuk mencapai matlamat-matlamat yang berbeza. Sepertimana yang sedia maklum, di seorang wanita yang telah berkahwin diharapkan dapat menjaga, menyusukan bayi mereka dengan susu ibu sepenuhnya, mendidik anak-anak di samping menjadi teman kepada suaminya. Namun demikian, kehidupan seorang wanita bekerjaya menjadi semakin kompleks dalam memenuhi keperluan bayi mereka untuk menyusu susu ibu. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan tinggi mengenai kebaikan susu ibu yang berkhasiat untuk perkembangan dan pertumbuhan bayi yang diperoleh namun disebabkan kekangan yang dihadapi oleh mereka yang bekerjaya menyebabkan mereka terpaksa memilih susu formula bagi mengantikan penyusuan susu ibu.*

**Katakunci:** ibu, kerjaya, Malaysia, penyusuan bayi, wanita,

### ABSTRACT

*The process of industrialization and urbanization has left a significant impact on the status and role of women. As a result of both the process, opportunities for a new job has transferred the woman from the domestic sphere to the public sphere, of which they hold various professions in the sectors of industry, administration and business. Once married, a woman is expected to handle household and childcare. This woman realised themselves have to combine their traditional roles as wives and mothers with new role as workers. Role in domestic and public areas is usually "demanding" and requires energy, time and attention. This woman suffers conflicting role and status in view of their roles in domestic and public space is routed to achieve different goals. A woman who is married is expected to keep, feed their babies with breast milk completely, educate children in addition to being a friend to her husband. However, the life of career women become more complex to meet the needs of their babies for breastfeeding. Although they have good knowledge about the benefits of breast milk*

*to infant development and growth. However, due to constraints faced by these career women, they have to choose the formula milk to replace breastfeeding.*

**Keywords:** *breastfeeding, career, Malaysia, mother, women*

## 1. Pengenalan

Rene Suhardono (2012) membezakan antara kerja dan kerjaya. Menurut beliau, pekerjaan adalah sekadar alat atau kenderaan yang membawa ke suatu tempat yang dikehendaki manakala kerjaya pula adalah perjalanan itu sendiri. Kerja mengikut istilah umum bermakna membuat atau melakukan sesuatu bagi mendapatkan hasil, upah, ganjaran, berpendapatan tetap, kerjaya adalah kerja atau aktiviti-aktiviti untuk memenuhi keperluan-keperluan psikologikal, ekonomikal dan sosiologikal individu dan ini direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya (Mohd Fadzil Che' Din 2001).

Menurut Juhairi Haji Ali (2000), kerjaya boleh didefiniskan sebagai persepsi seorang individu, satu sikap dan tingkah laku yang berkaitan dengan aktiviti kerja serta pengalaman dalam kehidupan individu. Kerjaya merupakan suatu wahana bagi memenuhi keperluan sumber manusia kepada keadaan semasa dan juga pada masa hadapan. Setiap manusia pastinya mengimpikan kerjaya yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan mereka di samping memberi keseimbangan antara keperluan kerja dan kehendak guna tenaga kerja. Kerjaya merupakan kerja atau aktiviti-aktiviti untuk memenuhi keperluan psikologikal, ekonomikal, sosiologikal individu dan ini direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya sebagaimana individu melihat diri mereka dan hubungannya dengan apa yang mereka lakukan.

Kajian mengenai kerjaya berubah dengan pantas semenjak 20 tahun yang lalu akibat daripada beberapa perubahan besar dalam bidang psikologi. Kebanyakan wanita telah menjangkakan untuk memilih suri rumah sebagai kerjaya, namun demikian mereka tidak boleh membuat perancangan yang tepat sehingga mereka tahu dengan siapa yang mereka berkahwin. Badrik dan Douvan (1972) menyatakan bahawa hal ini mudah untuk wanita supaya kekal fleksibel dalam perancangan kerjaya mereka jika ingin berkahwin. Ramai wanita memilih kerjaya yang membolehkan mereka berhenti apabila berkahwin atau mempunyai anak (Barbara A Gutek dan Laurie Larwood 1987).

Pada akhir abad ke-19, wanita dianggap sebagai “penjaga moral” dan pelindung kepada rumah tangga. Menjelang Era Progresif iaitu tempoh masa dalam sejarah Amerika yang berlanjutan daripada tahun 1890an sehingga tahun 1920an, reformasi wanita menggunakan ideologi ini untuk berhujah bahawa untuk melindungi rumah tangga, wanita perlu masuk ke ruang awam. Hal ini kerana mereka boleh menjalankan kuasa moral mereka ke atas isu-isu awam dan pendidikan yang akhirnya memberi kesan terhadap rumah tangga. Wanita menyertai organisasi sukarelawan untuk bekerja dan membawa pembaharuan. Usaha ini bermula daripada peringkat tempatan dan diperluaskan kepada peringkat negeri dan negara. Kedudukan wanita telah berubah dengan pesat semasa Era Progresif. Pekerja wanita terutama wanita muda, wanita sudah berkahwin dan miskin terus bekerja dalam bidang pertanian, di kilang-kilang dan sebagai pembantu rumah (Muzium Sejarah Wanita Kebangsaan 2007).

Menurut Mangkuprawira dan Vitalaya (2007), wanita bekerja bukan hanya berlatar belakangkan ekonomi semata-mata tetapi juga terdapat keterampilan pengetahuan dan memperoleh kepuasan yang maksima disebabkan adanya tanggapan umum bahawa dunia pekerjaan merupakan dunia lelaki sahaja. Oleh itu, wanita akan merasa telah mampu duduk sebaris dengan kaum lelaki dengan cara melibatkan diri melalui bekerja. Namun begitu,

wanita tidak terlepas dari kelemahan kudratnya. Wanita mempunyai fungsi yang santa dominan dalam keluarga, kerana pada diri wanita terdapat satu tugas sebagai mahluk sosial mempunyai tanggungjawab sebagai mahluk sosial yang mempunyai tanggungjawab membina keluarga sepenuhnya seperti perkembangan peribadi anak-anak yang mana sikap seorang ibu sangat berpengaruh kepada anaknya (Iklima 2014).

Rustini (dlm Iklima 2014) menyatakan secara umum mengenai dwi peranan wanita yang bermaksud sebagai dua atau lebih peranan yang harus dimainkan oleh seorang wanita dalam masa yang sama. Peranan- peranan tersebut mengenai peranan domestic, sebagai suri rumah tangga dan peranan awam yang umumnya dalam pasaran guna tenaga. Kenyataannya, wanita bekerja di dunia awam menghadapi konflik sosial untuk menyeleraskan rumah tangga, pendidikan anak dan pekerjaan. Akibatnya, mereka mengalami pelbagai cabaran yang dapat menghalang kemajuan kerjaya dan peribadinya (Inin Fadzilah et. Al 2014)

Melahirkan anak dan penyusuan susu ibu merupakan sesuatu yang sangat peribadi dan merupakan suatu fenomena sosial. Pemakanan atau penyusuan bayi khususnya penyusuan susu ibu bukan hanya memperoleh nutrient yang diperlukan oleh bayi, malah ia juga disemai dengan budaya dan makna sosial yang membawa kepada peralihan kepada alam keibuan bagi seorang wanita. Menjadi seorang ibu merupakan kebahagiaan malah juga kebimbangan terhadap kehilangan kebebasan dan identiti diri (Oakley 1979 dan Miller 2005). Amalan pemakanan bayi dalam setiap masyarakat sejajar dengan kehidupan sosial dan norma budaya masyarakat itu sendiri. Dalam kesemua masyarakat dan budaya, pemakanan bayi khususnya penyusuan susu ibu adalah “kaya dengan symbol” ( Desclaux dan Alfieri 2009 : 822) yang dibentuk melalui pemahaman masyarakat tempatan mengenai penyusuan susu ibu (Liamputtong et.al 2007)

Perubahan amalan pemakanan bayi mewujudkan perdebatan antara dunia. Perdebatan ini termasuklah apa yang perlu diberi kepada bayi, keadaan masa dan tempoh pemakanan bayi. Pengaruh sosio-budaya terhadap penerimaan amalan pemakanan bayi adalah berbeza-beza dan kompleks, yang mana perbezaan yang jelas daripada seesebuah masyarakat kepada yang lain.

Dalam konteks kehidupan secara semula jadi, payudara wanita mengeluarkan susu badan sebaik sahaja melahirkan bayinya. Menurut Nurulhidayah Yusof (2013), proses penyusuan bermula dengan wujudnya sebuah keluarga yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Keputusan untuk menyusu bayi dengan susu ibu bergantung pada ibu dan bayi itu sendiri.

Menurut Britton (2009), penyusuan susu ibu dikatakan kompleks bukan kerana faktor semula jadi biologi, tetapi kerana ia sangat berkaitan dengan konteks sosial dan amalan budaya masyarakat. Britton dalam artikelnya yang bertajuk “Penyusuan Susu Ibu: Fenomena Sosial Atau Membina Budaya?” menekankan bahawa budaya memainkan peranan penting terhadap bagaimana wanita memahami payudara mereka dan fungsinya dalam kehidupan seharian. Dalam budaya lain percaya menengenai “bad milk”. Mereka percaya bahawa susu ibu tersebut adalah tidak baik dan boleh memberi kesan kepada bayi jika ibu sedang sakit, panas, marah, mengandung, tidur, lapar, sejuk atau sakit dalam sesetengah budaya. Sesetengah budaya percaya bahawa air mani dalam badan akan menganggu susu tersebut dan terdapat pantang larang selepas bersalin yang menghalang pertumbuhan semasa menyusukan bayi. Kualiti dan kecacatan daripada ibu yang menyusukan bayi akan memberikan kesan terhadap bayi tersebut (Rebecca Black 1998). Manakala, menurut WHO (1981), “penyusuan susu ibu adalah bahagian yang paling penting dalam proses reproduktif, semla jadi dan cara ideal untuk menyusu bayi”.

Menurut Suriati (1998), kebanyakan ibu bapa hari ini beranggapan bahawa menyusukan bayi adalah negative dan tidak yakin untuk menyusukan bayi mereka dengan

susu ibu. Terlalu banyak prasangka buruk yang dilemparkan kepada penyusuan susu ibu. Kebebasan terhalang, sukar ditinggalkan apabila bekerja, malu kerana bayi bila-bila masa sahaja ingin menyusu, takut kurang cantik, takut bayi tidak kenyang dan pelbagai lagi halangan sehingga mendorong ibu untuk memilih susu formula untuk bayi mereka. Menurut beliau lagi, tanggungjawab menyusukan adalah tanggungjawab bersama antara suami isteri. Walaupun yang menyusukan adalah ibu, namun peranan bapa sangat penting untuk menggalakan ibu menyusukan bayinya.

Terdapat andaian bahawa penyusuan susu ibu adalah sekadar untuk memenuhi nutrient, atau lebih kepada psikologi yang terdapat di sebalik pendekatan perubatan dan kegagalan wanita terhadap pendekatan ini. Tanggapan terhadap penyusuan susu ibu yang ‘berjaya’ berbeza dengan silang budaya termasuklah tempoh cerai susu. Misalnya bagi sesetengah masyarakat, mereka menafikan kandungan nutrient dan antibodi yang terkandung dalam kolustrum iaitu susu pertama selepas melahirkan bayi. Penyusuan susu ibu seperti seksualiti wanita dan melahirkan anak adalah tertaluk kepada penjelasan sesuatu budaya dalam kebanyakan masyarakat (Maher 1992). Susu ibu sahaja sudah cukup semasa bayi berumur empat hingga enam bulan pertama dalam hidupnya tanpa memerlukan makanan tambahan sebagai pelengkap yang lain.

Sejak tahun 1960an, masyarakat kita telah dipengaruhi oleh iklan tentang susu formula. Apabila semakin ramai wanita keluar bekerja pada tahun 1970an dan 1980an, penggunaan susu formula ini memang tidak terbatas lagi. Di bandar, kalangan terpelajar dan golongan agak mewah, penggunaan susu formula diterima secara meluas. Malah di luar Bandar, penggunaannya juga sudah meluas sejak akhir-akhir ini. Pemberian susu formula dianggap lebih moden dan praktikal. Kempen penyusuan susu ibu dan pelaksanaan Hospital Baby Friendly pada tahun 1992/1993 untuk menggalakan penyusuan susu ibu belum lagi diterima sepenuh hati oleh masyarakat kita, lantaran tingginya pengaruh susu formula yang telah diamalkan dengan melua sejak lebih dua dekat yang dahulu (Suriati Ghazali 1998).

Bericara mengenai nilai, penyusuan susu formula yang dikatakan sebagai ‘melanggar peraturan’, sebagai ibu yang baik, tidak cukup untuk dianggap sebagai pelanggaran peraturan yang boleh dianggap sebagai devian. Penilaian terhadap ibu yang melakukan devian, bukan merujuk kepada peraturan yang dilanggar, tetapi merujuk kepada andaian dalam kalangan ibu (McHugh 1970). Ramai ibu merasakan keperluan zat yang diperlukan oleh bayi sudah dapat diwakili oleh susu formula sehingga susu ibu dilupakan. Adanya promosi atau iklan produk susu formula sehingga mendorong para ibu untuk menyusunkan bayi mereka dengan susu formula (Roesli 2000).

## 2. Penyusuan Bayi di Peringkat Globalisasi

Proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang penting ke atas status dan peranan kaum wanita. Akibat daripada kedua-dua, proses itu, lebih ramai kaum wanita yang mula bekerja di luar rumah pada umur yang masih muda lagi. Jelas di sini bahawa peluang-peluang pekerjaan yang baru itu telah memindahkan wanita dari ruang domestik kepada ruang awam - "public", di mana mereka memegang berbagai profesion di dalam sektor-sektor industri, pentadbiran dan perdagangan. Perubahan-perubahan yang dialami oleh kaum wanita ini tidaklah pula mengurangkan atau mengubah peranan serta tanggungjawab mereka dalam bidang domestik. Apabila berkahwin, wanita dijangkakan dapat mengendalikan urusan rumah tangga dan menjaga anak. Wanita yang sudah berkahwin dan yang bekerja di luar rumah mendapati diri mereka terpaksa menggabungkan peranan tradisional mereka sebagai isteri dan ibu dengan peranan baru sebagai pekerja. Peranan di

dalam bidang domestik dan awam ini lazimnya "demanding" dan memerlukan tenaga, masa dan perhatian. Besar kemungkinan wanita yang bergiat di dalam kedua-dua bidang ini mengalami konflik peranan memandangkan yang status dan peranan mereka di dalam ruang domestik dan awam ini dihalakan untuk mmencapai matlamat-matlamat yang berbeza. Sepertimana yang sedia maklum, di dalam sebuah keluarga, seorang wanita yang telah berkahwin diharapkan dapat menjaga, menyusukan bayi mereka dengan susu ibu sepenuhnya, mendidik anak-anak di samping menjadi teman kepada suaminya (Nurulhidayah Yusof 2013)

Namun demikian, kehidupan seorang wanita bekerja terutama wanita Cina yang bekerja menjadi semakin kompleks dalam memenuhi keperluan bayi mereka untuk menyusu badan. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan tinggi mengenai kebaikan susu ibu yang berkhasiat untuk perkembangan dan pertumbuhan bayi yang diperoleh melalui media massa namun disebabkan kekangan yang dihadapi oleh mereka yang bekerja menyebabkan mereka terpaksa memilih susu formula bagi menggantikan penyusuan susu ibu.

Penyusuan bayi telah mula diberi tumpuan di peringkat globalisasi kerana terdapat kesedaran tentang kepentingan susu ibu. Memandangkan kebaikan susu ibu lebih banyak daripada natijahnya, pihak kerajaan sesebuah negara telah meletakkan sasaran mengenai kadar dan amalan penyusuan susu ibu. Namun demikian apa yang didapati bahawa masih ada ibu-ibu yang tidak menyusu bayi mereka dengan susu ibu atau hanya sekejap sahaja . Kajian yang dilakukan di New Zealand ( Suriati Ghazali 1998) mendapati bahawa alasan yang paling kerap diberikan mengapa para ibu berhenti menyusukan bayi mereka dengan susu ibu adalah kerana susu badan tidak mencukupi, bayi yang terlampau kuat menyusu sehingga menyebabkan berlaku sedikit kecederaan apabila puting mereka sering digigit dan mereka terpaksa balik ke rumah pada hari bekerja. Mereka juga berpendapat bahawa tempoh enam bulan adalah tempoh masa yang sangat lama untuk memberi susu ibu. Selain itu, amalan penyusuan gabungan susu ibu dan susu formula telah memberikan impak yang besar kepada ibu-ibu untuk berhenti memberi susu badan mereka.

Penyusuan ibu dikatakan sama seperti gaya hidup yang lain iaitu memerlukan maklumat yang tepat sebelum sebarang keputusan muktamad diambil. Sumber maklumat dikatakan semakin berubah dan berkembang secara radikal. Ia semakin berkembang pesat sehingga menjadi satu cabaran baru untuk memperjuangkan perlindungan, mempromosikan dan menyokong penyusuan susu ibu. Sejauh mana kecekapan mengawal penyebaran maklumat tentang kepentingan susu ibu berlaku pada hari ini. Maklumat mengenai penyusuan bayi sangat penting dalam era zaman sekarang.

Akibat kemajuan dan kepesatan negara, perubahan taraf hidup penduduk dan gaya kehidupan moden telah menyebabkan bilangan ibu-ibu yang bekerja semakin meningkat. Pekerjaan telah menyebabkan tradisi ibu menyusu anak dengan susu ibu semakin ditinggalkan. Tambahan lagi, persaingan sengit dengan susu formula yang giat dipromosikan dalam pasaran terkini. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah berusaha untuk mengembalikan semula amalan penyusuan susu ibu. Pelbagai cara yang pernah dilakukan oleh pertubuhan ini termasuklah mengadakan Konvensyen Kanak-kanak (Nov 1979), Pengisitiharan Innocenti (Ogos 1991), Pengisitiharan Dunia untuk Kewujudan, Pelindungan dan Perkembangan Kanak-Kanak (Julai 2004). WHO ini telah menekankan aspek pemakanan kanak-kanak termasuk mengiktiraf faedah penyusuan bayi dengan susu ibu. Ia mengambil berat tentang fenomena kemerosotan amalan penyusuan bayi dengan susu ibu secara mendadak di seluruh dunia dan mengaitkan amalan ini dengan kadar kematian kanak-kanak yang amat tinggi akibat dari jangkitan dan amalan pemakanan yang tidak seimbang. WHO berusaha untuk membetulkan trend pemakanan yang tidak seimbang ini dan secara aktif menyokong, menggalakan dan melindungi amalan penyusuan bayi dalam negara-negara anggota seperti Malaysia.

### 3. Penyusuan Bayi di Malaysia

Wanita harus bijak dalam menyeimbangkan peranan sebagai seorang ibu dengan kerjayanya. Apabila memasuki alam perkahwinan secara automatiknya mula memikul tanggungjawab dalam banyak perkara termasuklah menjadi seorang ibu apabila melahirkan bayi. Apabila sudah mempunyai anak memberikan kesan terhadap kehidupan sehari-hari, naluri seorang wanita dan juga hubungan sosial. Ketika ini seorang ibu mula memikirkan mengenai penjagaan bayinya yang merangkumi pelbagai aspek. Salah satu aspek yang terpenting adalah menentukan pemakanan bayi bagi memenuhi keperluan nutrient yang diperlukan untuk tumbesaran mereka, termasuklah seorang ibu harus membuat keputusan untuk memberikan bayinya dengan susu ibu atau susu formula.

Menyedari tentang kebaikan susu ibu, banyak negara atau badan NGO telah membuat pelbagai kempen untuk menggalakkan penyusuan susu ibu sama ada di peringkat Malaysia maupun global. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merupakan salah satu badan yang banyak memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran tentang kebaikan susu ibu. Antaranya adalah kempen mempromosikan kepentingan penyusuan susu ibu di tempat kerja dan waktu penyusuan yang diberikan kepada pekerja (Yimyam 2009).

Namun demikian, kadar penyusuan susu ibu di Malaysia masih berada di tahap yang rendah. Berdasarkan statistik terbaru di Malaysia, hanya dua daripada tujuh bayi diberikan susu badan selama empat bulan dilahirkan dan dua bulan pertama selepas dilahirkan. Menurut Siti Zarina Sahib (2010) peratusan ibu menyusu bayi secara eksklusif masih rendah berbanding negara Asia yang lain iaitu kira-kira hanya 18 peratus sahaja. Menurut keratan akhbar Kosmo bertarikh 6 Jun 2013, peratusan ibu menyusu bayi secara eksklusif masih rendah jika dibandingkan dengan negara Asia yang lain. Menurutnya lagi, Malaysia merupakan negara tertinggi dalam penggunaan susu formula.

Sejarah penyusuan formula bermula di Persekutuan Tanah Melayu apabila diperkenalkan buat pertama kalinya dalam media elektronik seperti televisyen pada era kegemilangan filem Tan Sri P.Ramlee sekitar tahun 1960-an. Kemudian susu formula semakin hebat diperkenalkan dan mula merebak dalam masyarakat awam di Malaysia melalui sebuah iklan yang dibawakan oleh seniwati yang terkenal pada zaman tersebut iaitu alahyarhamah seniwati Umi Kalsom. Masyarakat ketika itu mula menerima kemasukan susu formula sebagai satu trend semasa (Nurulhidayah Yusof 2014). Proses industrialisasi dan urbanisasi telah meninggalkan kesan yang penting ke atas status dan peranan kaum wanita. Peranan sosial wanita sebagai ibu kini kian berubah. Peningkatan wanita dalam sektor pekerjaan menjadi salah satu faktor besar dalam peningkatan penggunaan susu formula hingga ianya masih dibincangkan sehingga kini.

Wanita seharusnya mengamalkan nilai tanggungjawab untuk menyusukan bayi mereka dengan susu ibu dalam menjalankan peranan sosial sebagai seorang ibu. Menurut (Leininger, 2012) dalam kehidupan bermasyarakat setiap anggota mempunyai peranan yang dilandasi tanggungjawab masing-masing. Perbezaan dan pengkhususan tentang adanya peranan yang pelbagai dalam keluarga menunjukkan anggota keluarga masing-masing mempunyai peranan dan fungsi dalam keterikatan keluarga. Wanita bekerjaya mengadapi cabaran dalam memilih cara penyusuan yang sesuai untuk bayi mereka kerana dalam masa yang sama mereka mempunyai komitmen yang lain di tempat kerja.

Walaupun pelbagai kempen dan ceramah telah dilakukan untuk menggalakkan penyusuan susu ibu, namun masih ada sesetengah wanita terutama yang bekerjaya menyusukan anak mereka dengan susu formula. Antara alasan yang diberikan oleh mereka

ini adalah disebabkan bekerja, tiada pengalaman, kurang pengetahuan mengenai kebaikan susu ibu dan berkemampuan untuk membeli susu tepung. Selain itu, penyusuan ini juga berkaitan dengan media sosial yang hebat dalam mempromosi susu tepung seperti poster yang menunjukkan gambar bayi sedang menghisap susu formula dalam botol dan berada dalam dakapan ibunya. Faktor bekerja menjadi salah satu punca kegagalan menyusukan bayi dengan susu ibu. Hal ini dibuktikan oleh hasil kajian Ben (2004) menegenai amalan penyusuan daripada 120 sampel yang terbahagi kepada dua kelompok iaitu responen, yang tidak bekerja adalah empat kali ganda memberi penyusuan susu ibu berbanding responden yang bekerja. Menurut Sylvia (1985), wanita bekerjaya yang memberikan susu ibu kepada bayi selama tempoh empat hingga enam bulan akan memberi kesan kepada kegagalan profesion dan merosakkan peningkatan karier yang sedang dibina. Hal ini merupakan masalah besar kepada wanita yang menghadapinya.

Di Malaysia, galakan pemberian susu ibu kepada bayi oleh ibu-ibu yang bekerja atau tidak telah banyak dilakukan oleh badan-badan tertentu. Hal ini dapat dilihat melalui aktiviti yang giat dilakukan oleh mereka. Antara badan-badan yang aktif di Malaysia adalah seperti koperasi kakitangan yang mempunyai pusat asuhan (TASKA), Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), Persatuan Penasihat dan Pakar Laktasi Malaysia (PPPLM), Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Penubuhan Kumpulan Sokongan Ibu-Ibu Yang Menyusukan Anak (MyMomsBest). Setiap badan atau pertubuhan ini mempunyai peranan masing-masing tetapi objektif yang ingin dicapai adalah sama iaitu dalam usaha meningkatkan penyusuan susu ibu agar dapat memelihara kesihatan dan kesejahteraan bayi (Intan Nazrahayu Nasir 2006)

Gerakan koperasi yang ada di Malaysia terutama koperasi kakitangan menyediakan pusat asuhan atau TASKA untuk anak-anak anggota dan kakitangan. Kemudahan yang disediakan ini bertujuan untuk memudahkan ibu-ibu yang bekerja untuk terus menyusukan bayi mereka di tempat kerja. Ini kerana bagi sesebuah organisasi yang berorientasikan sumber tenaga kerja manusia, keperluan asasnya pekerjanya harus diambil kira supaya mereka dapat bekerja dengan selesa dan gembira, seterusnya dapat meningkatkan motivasi mereka untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh. Dengan kesedaran tentang kepentingan susu ibu, gerakan koperasi ini telah menubuhkan pusat asuhan atau TASKA yang dilengkapi dengan ruang yang nyaman dan selesa untuk pekerjanya. Pusat asuhan dan TASKA ini mempunyai pengasuh yang terlatih yang dapat memberikan panduan teknik atau cara yang betul dalam memberikan bekalan susu ibu kepada bayi ( Afida Mastura Mohd Arif 2009)

Persatuan Penasihat dan Pakar Laktasi Malaysia (PPPLM) merupakan persatuan sukarela untuk membantu para ibu di Malaysia untuk menyusukan bayi mereka. Persatuan ini berjaya membimbang ibu-ibu supaya dapat menyusukan bayi mereka dengan berjaya. Visinya adalah sebagai sebuah badan penguatkuasa yang diiktirafkan dalam soal penyebaran maklumat, pengurusan dan perkhidmatan sokongan penyusuan susu ibu. Persatuan ini mempunyai kaunselor laktasi yang terlatih dan berpengalaman untuk memberikan perkhidmatan kepada ibu-ibu untuk menyusukan anak mereka. Dalam FOMCA atau Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, ia menumpukan perhatian kepada bidang kesihatan dan farmasi, alam sekitar dan pembangunan lestari, perkhidmatan kewangan, perbankan dan insurans, media dan komunikasi, perkhidmatan awam serta jaminan dan keselamatan makanan. Selain menjaga keperluan pengguna, badan ini juga menitikberatkan penyusuan susu ibu dalam kalagan ibu-ibu di negara ini. Kerajaan mengawal sepenuhnya tempoh penyusuan susu ibu dengan dengan melaksanakan Inisiatif Hospital Mesra Bayi termasuk di hospital swasta dan rumah bersalin. Dalam jaminan dan keselamatan makanan, susu ibu ibu dilihat sebagai susu pertama bayi dan harus diberikan dalam tempoh enam bulan

dan berterusan sehingga bayi berumur dua tahun. Undang- undang seperti Kod Antarabangsa bagi Pemasaran Susu Bayi Gantian dikaji semula seperti cuti bersalin. Kemudahan penyusuan bayi untuk ibu-ibu yang bekerja (Farawahidah Ahmad Fuzi 2005)

#### **4. Penyusuan Bayi dan Wanita Bekerjaya**

Dalam kajian Yap Siew Ling (2012) mengenai etnik dan pekerjaan dalam penyusuan bayi yang menyatakan bahawa etnik dan pekerjaan adalah antara faktor yang mempengaruhi jenis penyusuan yang digunakan oleh ibu. Perkara ini dapat dilihat dalam kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain tentang pemakanan bayi semasa pantang dan sikap terhadap amalan penyusuan ibu-ibu yang dijalankan di Kajang, Selangor. Pengkaji ini mendapati responden Melayu lebih banyak menyusukan anak mereka dengan susu ibu berbanding dengan responden Cina dan India. Kebanyakan responden daripada kaum Cina dikatakan lebih cenderung memberikan penyusuan susu tepung dan responden kaum India lebih mengamalkan penyusuan gabungan. Dalam kajian ini juga, didapati ramai ibu yang bekerja lebih memilih susu tepung untuk bayi mereka berbanding dengan ibu yang tidak bekerja. Antara sebab-sebab responden mengamalkan penyusuan ibu adalah kerana penyusuan ibu paling baik untuk perkembangan bayi, lebih murah dan mudah. Secara tidak langsung, mewujudkan pertalian kasih sayang antara ibu dengan anaknya. Menurut pengkaji, sumber sokongan dan dorongan yang diterima oleh ibu-ibu yang menyusukan anak adalah daripada suaminya, ahli keluarga, kakitangan hospital dan bacaan sendiri.

Dalam kajian Yim Yam (2009) mengenai konflik peranan ibu yang bekerja dan perubahan sosial yang pesat mempengaruhi penyusuan bayi dalam kalangan wanita yang bekerja. Kajian tersebut telah dijalankan salah sebuah bandar di Hatyai, Thailand. Melalui kajian tersebut, beliau menyatakan bahawa ibu yang bekerja dikatakan terpaksa menyeimbangkan permintaan dalam kerjanya dan penyusuan bayi dalam rumah. Pekerjaan yang dilakukan tidak kira sama ada di rumah, di luar rumah, kilang-kilang atau pejabat nyata sekali menyekat kebebasan seseorang ibu itu. Di dapati, pekerja wanita Thai dalam sektor yang formal adalah lebih sukar mengamalkan penyusuan ibu kepada bayi. Di tempat kerja, tiada kemudahan seperti bilik yang khas untuk pekerja wanita yang ingin memerah susu ibu, pekerja wanita tidak dibenarkan untuk pulang ke rumah bagi menyusukan anak walaupun rumah mereka berhampiran dengan tempat kerja. Penyusuan susu ibu ini membawa beberapa kesan terhadap ibu yang bekerja iaitu penurunan produktiviti kerja, sentiasa mengalami keletihan yang menyebabkan ibu-ibu tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam kerja yang diberi. Ibu yang bekerja ini mendapati terdapat pengurangan susu ibu kerana bekerja.

Kajian oleh Khalil dan Khalil (2000) mengenai hubungan antara ibu bekerja dana amalan penyusuan di Lahore, Pakistan menunjukkan amalan penyusuan sangat dipengaruhi oleh ibu yang bekerja. Hanya 41.2 peratus wanita yang bekerja (n=200) melakukan penyusuan secara eksklusif dalam lima bulan pertama. Sebanyak 38.8 peratus wanita bekerja menggabungkan susu ibu dan susu formula sejak lahir lagi. Pendidikan ibu, pekerjaan, status sosio-ekonomi yang baik dan pengalaman menyusukan anak-anak sebelum ini yang menambah pengetahuan wanita bekerja mengenai penyusuan. Namun kekangan disebabkan bekerja membuatkan mereka memilih untuk menggabungkan jenis penyusuan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Goh Yee Hong (2005) di Kajang, Selangor mendapati bahawa selain daripada pekerjaan, faktor lain seperti pendapatan, umur, hubungan kasih sayang, kesihatan bayi dan ibu, sikap ibu, jarak kehamilan, penyediaan susu, faktor tambahan seperti tiada susu ibu, media massa dan agama turut mempengaruhi responden

dalam memilih jenis penyusuan bayi. Kajian mendapati bahawa sama ada ibu-ibu yang bekerja atau tidak bekerja mengamalkan tiga jenis penyusuan iaitu penyusuan susu ibu, penyusuan susu tepung dan penyusuan gabungan. Majoriti ibu yang bekerja dan juga tidak bekerja menggunakan penyusuan gabungan.

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian ini telah memberikan gambaran mengenai sejarah wanita berkerjaya, jenis penyusuan dan perkembangan penyusuan bayi di peringkat globalisasi dan Malaysia. Pelbagai perubahan dalam penyusuan bayi yang telah berlaku sepanjang zaman. Bukan itu sahaja, peranan wanita juga mula berubah daripada kerja bersifat fundamental sehinggalah sebagai kumpulan professional bergerak seiring dengan kemajuan zaman. Wanita kini rata-rata mempunyai dwiperanan iaitu penyumbang pembangunan ekonomi dan juga sebagai isteri dan ibu. Hal ini pastinya memberi cabaran yang besar buat mereka.

## Penghargaan

Penerbitan makalah ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Kod Projek: FRGS/1/2015/SS04/UKM/02/1), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan tajuk “*Redefining the well-being of the Orang Asli of Peninsular Malaysia and benchmarking against the Maoris of New Zealand*”.

## Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rasyid, Sufean Hussin dan Abd Jalil Othman. (2006). *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerjaya*. Uutusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Afida Mastura Muhammad Arif. (2009). *Sejarah Pergerakan Pengguna*:. PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Barbara A.Gutek Dan Laurie Larwood. (1987). *The Baby Book*. Terj. Jakarta : PT Serambi Ilmu Semesta.
- Ben. (2004). *Pemakanan untuk kesihatan ibu dan anak*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementeriann Pendidikan Malaysia.
- Desclaux & Alfieri. (2009). *Women And Breastfeeding*. Bandung. Terj. Indonesia : PT Setia Purna Inves.
- Farawahidah Ahmad Fuizi. (2005). *Penyusuan Bayi : Satu Kajian Kes Di Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Idris. (2013). *Membesarkan Anak Hebat Dengan Susu Ibu*. Edisi Pertama. PTS Millenia Sdn.Bhd.
- Fauziah Mohd. Hasan. (2004). *Soal Jawab Kehamilan*. Ulang cetak. PTS Millenia Sdn. Bhd.
- FOMCA. (2001). *Kenyataan Tekad Dan Komitmen* . <http://www.fomca.org.my/tekad.htm> (20 April 2017).
- Goh Yee Hong. (2005). *Penyusuan Bayi Di Kalangan Ibu-Ibu Bekerja Dan Tidak Bekerja : Satu Kajian Kes di Kajang, Selangor Darul Ehsan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hannon. (2011). *Faedah Penyusuan Ibu*. Amerika Latin.
- Hamidah Sulaiman dan Fara Dina Yusop. (2006). *Mendidik Anak Genius*. Edisi Pertama. PTS Millenia Sdn.Bhd.
- Helsing. E. & F.S King. (1999). *Panduan Susuan Ibu*. Terj. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hospital Rakan Bayi Universiti Sains Malaysia. (2016). <http://h.usm.my/-rakanbayi/index.php/bahan-bacaan/26-penyusuan-susu-ibusecaraeksklusif> (16 April 2017)
- Intan Nazrahyau Nasir. (2006). *Menyusui Permata Hati*. PTS Millenia Sdn.Bhd.
- Joan B. Wolf. (2011). *Is Breast Best ?: Taking On The Breastfeeding Expert And The New High Stakes*. New York : PALGRAVE MACMILLAN.
- Mohd Fadzil Che' Din. (2001). *Undang-undang Pekerjaan : Huraian Dan Panduan Terhadap Akta Kerja 1955*. Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurheti Yuliati. (2010). *Keajaiban ASI : Makanan Terbaik Untuk Kesihatan, Kecerdasan, Kelincahan Si Kecil..* CV ANDI OFFSET.
- Nurulhidayah Yusof. (2013). *Pemilihan Jenis Penyusuan Bayi Dalam Kalangan Ibu : Kajian Kes Di Batang Kali, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Penny Sinkin, Janil Whalley Dan Ann Keppler. (2000). *Kehamilan, Melahirkan Dan Bayi*. Arean.
- Rohana Yusuf. (2003). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Ampang. Selangor Darul Ehsan. Cetakan Kelima. Dawama Sdn. Bhd.
- Rene Suhardono. 2012. *Antara Kerja dan Kerjaya*. Edisi Kedua. Bandung : PT Setia Purna Inves.
- Sheikh Alaudeen. (2000). *Penyusuan Ibu : Aspek Pemakanan, Perkembangan dan Kesihatan Bayi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Zarinah Sahib. (2010). *Penyusuan Ibu Secara Eksklusif*. Edisi Pertama. PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Suriati Ghazali. (1998). *Menyusukan Bayi Mengatasi Halangan Mental Dan Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Yap Siew Ling ( 2012). *Etnik Dan Pekerjaan Dalam Penyusuan Bayi : Satu Kajian Kes di Kajang, Selangor Darul Ehsan*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Yim Yam, S. et al. (2009). *Role conflict and rapid socio-economic change :breastfeeding among employed woman in Thailand*. Hatyai. Thailand.
- Aturan Memberi Susu Formula. (2016). <https://www.google.com/amp/s/hellosehat.com/yang-harus-diperhatikan-saat-memberikan-susu-formula-kepada-bayi/amp/?espv=1> (1 Mac 2017)